

# Pulau Kukup dibuka semula kepada pengunjung awal Mei

Kerajaan negeri peruntukkan RM3j tingkat kemudahan bagi bolehkan kemasukan lebih ramai pelancong

**Pontian:** Pulau Kukup yang menjadi antara destinasi tumpuan pelancong di sini, akan dibuka semula kepada orang ramai pada hujung bulan ini atau awal Mei depan selepas lebih empat tahun ditutup atas faktor keselamatan.

Pulau yang menjadi tempat perlindungan yang penting bagi tumbuhan dan haiwan yang berkaitan dengan bakau, selain beberapa spesies yang dianggap jarang ditemui atau terancam itu sebelum ini ditutup antaranya



disebabkan keadaan jeti di situ yang dikategorikan tidak selamat.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Ling Tian Soon, berkata kerajaan negeri memperuntukkan RM600,000 untuk membina jeti pe-

lampung sementara, selain dana RM2.4 juta melalui Koridor Ekonomi Wilayah Iskandar (IRDA) bagi memperbaiki kerosakan dan mempertingkatkan kemudahan serta laluan ke pulau itu.

"Kedua-dua projek berkenaan

bernilai RM3 juta kini sudah siap dan Taman Negara Johor memutuskan untuk membuka semula Pulau Kukup dalam masa terdekat bagi membolehkan lebih ramai pelancong dan pencinta alam sekitar ke sini," katanya melalui hantaran di Facebook.

Taman Negara Pulau Kukup ditubuhkan pada 1997 bagi melindungi salah satu pulau paya bakau terbesar di dunia, selain turut diwartakan oleh Konvensyen Ramsar sebagai Tanah Lembab Berkepentingan Antarabangsa atau Tapak Ramsar pada Januari 2003.

Ia juga adalah tempat persinggahan penting bagi burung air yang bermigrasi melakukan perjalanan serta menempuh pelbagai rintangan di sepanjang Laluan Asia-Australasia (EAAF).

#### Hadkan jumlah pengunjung

Tian Soon berkata, selaras pembukaannya nanti, Taman Negara Johor bagaimanapun akan menghadkan jumlah pengunjung kera-

“Kedua-dua projek berkenaan bernilai RM3 juta kini sudah siap dan Taman Negara Johor memutuskan untuk membuka semula Pulau Kukup dalam masa terdekat”

**Ling Tian Soon,**  
Pengerusi  
Jawatankuasa  
Kesihatan dan  
Alam Sekitar  
Johor



na kapasiti jeti pelampung sementara itu tidak mampu menerima kehadiran besar pelancong secara serentak.

Dalam pada itu, beliau berkata, Taman Negara Johor menerima peruntukan RM20 juta daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya untuk tujuan pembinaan jeti baharu serta fasiliti lain.

Beliau berkata, pelancong boleh menikmati suasana hutan bakau di pulau yang berkeluasan 647 hektar itu selain beberapa ruang aktiviti dan tempat swafoto telah ditambah bagi kemudahan pengunjung. **BERNAMA**